



NOTIS MAKLUMAN

DOKUMEN TAMBAHAN BAGI PEMBIAYAAN JENIS 1 - PEMBELIAN RUMAH KEDIAMAN SIAP (*SUB-SALE*) YANG TELAH DIUBAHSUAI (*RENOVATED*) DARI UNIT ASAL DAN MEMPUNYAI STRUKTUR BINAAN TAMBAHAN (*EXTENSION*)

Dimaklumkan bahawa **berkuatkuasa 2 November 2020**, bagi permohonan **Pembiayaan Jenis 1 - Pembelian rumah kediaman bertanah (*landed*) yang telah siap dan telah diubahsuai dari unit asal/ mempunyai struktur binaan tambahan**, pemohon dikehendaki mengemukakan **salinan pelan bangunan/ binaan tambahan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** bersama lain-lain dokumen permohonan pembiayaan seperti yang telah ditetapkan oleh LPPSA.

Salinan dokumen tersebut juga perlu dikemukakan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bersama dokumen permohonan pembiayaan yang berkaitan bagi tujuan penilaian hartanah di bawah pembiayaan LPPSA.

Salinan pelan bangunan/ binaan tambahan ini diperlukan untuk memastikan penilaian hartanah oleh JPPH turut mengambil kira pengubahsuaian dan penambahan struktur binaan dalam laporan nilai yang akan dikemukakan kepada LPPSA. Laporan nilai tersebut akan menentukan amaun kelulusan pembiayaan (tertakluk kepada syarat semasa LPPSA) dan nilai Polisi Takaful/ Insurans Pemilik Rumah Jangka Panjang (LTHO). Kegagalan mengemukakan dokumen tambahan ini akan menyebabkan hartanah dinilai berdasarkan kelulusan struktur binaan asal sahaja.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/pertanyaan rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

28 Oktober 2020